



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KOMEN BAJET 2016 MENTERI KERJA RAYA, DATO' SRI FADILLAH YUSOF

Bajet 2016 yang bertemakan "Mensejahterakan Rakyat" bersifat menyeluruh, inklusif dan mengambilkira denyut nadi rakyat di semua peringkat, dengan keperluan kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana terus diberi perhatian utama oleh kerajaan.

Kerajaan juga terus memberi keutamaan kepada keperluan dan kesejahteraan rakyat di Sabah dan Sarawak, dengan peruntukan RM16.1 bilion untuk Lebuhraya Pan Borneo (LPB) Sarawak sepanjang 1,091 km yang dijangka siap sepenuhnya pada 2021. Manakala LPB Sabah pula yang akan mula dibina pada 2016 menerima peruntukan RM12.8 bilion meliputi 706km, dengan LPB di kedua-dua negeri berkenaan adalah bebas tol.

LPB diyakini akan menjadi pemangkin dan pelengkap kepada perancangan Kerajaan dalam mengubah landskap pembangunan negeri-negeri tersebut. Ia akan menyokong perancangan koridor-koridor pembangunan seperti Sarawak Corridor of Renewable Energy (SCORE) dan Sabah Development Corridor (SDC) di Sabah. Selain itu ia akan menyokong perancangan negeri-negeri tersebut samada pembangunan ekonomi mahupun sosial.

Bagi Kementerian Kerja Raya (KKR), kita bersyukur dan berterimakasih kepada YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, di atas peruntukan berjumlah RM5.776 bilion yang diperuntukan untuk kementerian dalam Bajet 2016.

Keutamaan KKR adalah untuk meningkatkan jaringan jalan yang lebih selesa dan selamat kepada pengguna, dengan tumpuan kepada pembaikan cerun, mengurangkan kawasan black spot dan pembinaan jambatan untuk meningkat akses antara kawasan.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L : 03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my

Daripada sejumlah RM5.776 bilion yang diperuntukan untuk KKR dalam Bajet 2016, sebanyak RM2.703 bilion akan diperuntukan untuk pelbagai projek pembinaan jalan, jambatan, naiktaraf jalan dan pembaikan cerun. Peruntukan sejumlah RM1.4 bilion bagi membina serta menaik taraf jalan luar bandar sepanjang 700 kilometer di seluruh negara dan RM200 juta bagi menaik taraf jalan di kawasan penempatan FELDA membuktikan betapa rakyat luar bandar tidak pernah dipinggirkan oleh kerajaan.

Begitu juga peruntukan RM878 juta untuk Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar yang membabitkan 10,000 rumah, selain RM568 juta bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar untuk 3,000 rumah, bertujuan memastikan penduduk luar bandar menikmati kemudahan asas yang sempurna seperti penduduk bandar.

Program 1Harga 1Sarawak dan 1Harga 1Sabah dengan peruntukan 260 juta dalam Bajet 2016 pastinya akan meringankan beban sara hidup penduduk di kedua-dua negeri berkenaan, berikutan ia akan memastikan keseragaman harga barangan terpilih di Sabah dan Sarawak.

MENTERI KERJA RAYA
23 OKTOBER 2015

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my